

DE 31-8-148

# UMS, Adabi hasil kuah kacang dalam tin

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pengeluar produk makanan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd (Adabi) melakar sejarah dengan mengkomersilkan jenama Kuah Kacang Adabi di dalam tin.

Ia dihasilkan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS yang mula dipasarkan Jun lepas.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata kerjasama sejak dua tahun lepas itu bukan

sahaja menguntungkan kedua-kedua pihak, malah turut membawa kesan kepada masyarakat khususnya melalui proses pemindahan pengetahuan dan teknologi serta pembangunan modal insan berkualiti. - Bernama